

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN SEMINAR "BIRO EKONOMI UMNO MALAYSIA" DI DEWAN AL MALIK FAISAL, UNIVERSITI KEBANGSAAN, PETALING JAYA, PADA 6HB OGOS, 1971

Y.B. Encik Ghafar,¹ Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita kerana diberi peluang merasmikan Seminar Ekonomi anjuran Biro Ekonomi UMNO Malaysia iaitu sebagai langkah pertama Biro tersebut. Saya mengucapkan tahniah kepada Pengerusinya, Y.B. Encik Ghafar Baba, yang telah berusaha mengaturkan Seminar ini dengan sempurna.

Seminar ini boleh dikatakan sambungan kepada Seminar Ekonomi yang diadakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia baru-baru ini dan akan mengkaji dengan lebih mendalam lagi Rancangan Malaysia Kedua serta implikasinya dan khasnya peranan parti kita membantu pelaksanaannya. Kita telah pun membincangkan Rancangan Malaysia Kedua ini dengan panjang lebar dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah menerimanya dengan sebulat suara. Oleh demikian, Seminar ini bolehlah diibaratkan sebagai "sireh pinang" kepada perbincangan-perbincangan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara itu.

Saya difahamkan beberapa orang pakar ekonomi kita akan memberikan penerangan lanjut tentang beberapa aspek daripada dasar dan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kedua. Oleh yang demikian, saya berharap tiap-tiap peserta bukan sahaja akan dapat faedah dari expert opinion pakar-pakar ini, tetapi akan turut sama mengambil bahagian di dalam perbincangan-perbincangan yang akan berlangsung selama dua hari ini.

Bagaimanapun, kejayaan sesuatu Seminar bukanlah bergantung semata-mata kepada berapa ramai pakar-pakar yang hadir, ataupun jumlah kertas kerja yang dibentangkan. Bahkan yang lebih

¹ Y.B. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

penting ialah sejauh manakah peserta-peserta itu dapat mengetahui tugas-tugas mereka serta kebolehan mereka untuk menyumbangkan idea-idea baru yang berdasarkan pengalaman masing-masing. Jadi, bermaknalah tiap-tiap peserta itu mestilah sekurang-kurangnya faham akan "thema" Seminar ini dan tujuan-tujuan muktamad darinya. Dalam erti kata inilah, saya berharap Seminar Biro Ekonomi ini benar-benar akan dapat memberi faedah kepada semuanya, baik pihak penganjur dan peserta-pesertanya, juga rakyat amnya.

Saudara-saudara,

Saya berpendapat adalah menjadi tanggungjawab Parti yang memerintah untuk menerangkan dengan seberapa terang dan lebih mendalam dasar-dasar Kerajaan kepada ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya kerana, kalau tidak, Ketua-ketua Parti di peringkat-peringkat cawangan, bahagian dan negeri tentu tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna. Mereka tidak akan dapat menerangkan kepada ahli-ahli Parti dan penyokong-penyokong serta orang-orang yang diharap menyokong parti tentang sebab-sebab, serta latar belakang sesuatu dasar yang diambil oleh kerajaan. Ketiadaan penerangan seperti ini lambat laun akan merosakkan kedudukan pemimpin-pemimpin parti kita di seluruh peringkat disebabkan oleh merosotnya sokongan orang ramai kepada Parti.

Kita mestilah sedar bahawa kita sekarang ini berada dalam zaman di mana communications and information melibatkan kehidupan tiap-tiap seorang. Ini bermakna pendapat umum terhadap sesuatu perkara tidaklah lagi menjadi monopoli sesuatu golongan, lazimnya pihak pemerintah sahaja. Perubahan ini datang bersama kemajuan teknologi dan kemajuan ekonomi, yang memberikan segolongan besar daripada rakyat jelata kemewahan untuk mempunyai alat-alat perhubungan seperti radio dan talivisyen. Melalui alat-alat inilah mereka dapat mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam negara dan memahami sebab dan kesan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa.

Oleh itu adalah mustahak Kerajaan memberikan penerangan-penerangan yang sebenar kepada rakyat mengenai dasar ataupun tindakan Kerajaan yang boleh melibatkan kedudukan mereka. Ini merupakan fungsi yang sangat perlu bagi menanamkan kepercayaan serta mewujudkan persefahaman di kalangan rakyat yang menjadi syarat utama bagi mengekalkan amalan demokrasi.

Dari segi politik, penerangan-penerangan yang tepat serta mendalam adalah perlu bagi membolehkan pemimpin-pemimpin kita menolong rakyat dan dengan itu meluaskan lagi pengaruh Parti selain dari menentang dakyah-dakyah parti lawan yang menjalankan tipu helah mereka untuk menjatuhkan pemerintah. Seminar ini adalah satu daripada beberapa cara yang boleh kita buat untuk meluaskan lagi penyebaran penerangan berkenaan dengan sesuatu dasar atau tindakan Kerajaan, kenapa dasar itu diambil dan apakah menafaatnya kepada rakyat. Hanya dengan adanya keterangan-keterangan yang lengkap baharulah pemimpin-pemimpin parti kita di semua peringkat dapat membimbing ahli-ahli parti dan rakyat amnya sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka. Dan dengan cara ini baharulah konsep pemimpin dan pimpinan itu dilaksanakan sepenuhnya.

Sebagai negara berbilang kaum yang sedang membangun, kita menghadapi berbagai masalah besar yang boleh dibahagikan kepada dua golongan. Yang pertama ialah segi ekonomi. Setelah mengalami penjajahan selama hampir-hampir satu abad, aktiviti-aktiviti ekonomi yang diwariskan oleh British nyata terbahagi atau terkelompok mengikut golongan kaum dan keadaan ini menjadi lebih rumit oleh kerana segolongan besar daripada penduduk-penduduknya yang kebetulan pula Bumiputra tertinggal jauh di belakang dalam persaingan ekonomi modern berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Di segi politik pula, kita mustahak mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menyatukan rakyat di Negara kita daripada berbilang bangsa dan mengadakan keperibadian kita sendiri. Tetapi Kerajaan sedar kemajuan serta kemakmuran dan untung nasib negara kita adalah bergantung semata-mata kepada penyelesaian kedua-dua masalah ini. Oleh itu Kerajaan terpaksa mencari cara yang realistik untuk menyelesaikan kedua-dua masalah ini.

Saudara-saudara,

Selepas mengkaji beberapa approach dan alternative, Kerajaan telah dapat menyediakan satu rumusan yang realistik, yang saya percaya bukan sahaja mempunyai vision dan pandangan jauh, tetapi bertujuan menyelesaikan kedua-dua masalah besar yang saya sebutkan tadi. Rumusan-rumusan ini terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Sebagaimana saya katakan di Dewan Rakyat semasa membincangkan Rancangan Malaysia Kedua, rancangan ini yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baharu kita, merupakan langkah-langkah tegas ke arah penyelesaian masalah-masalah ekonomi dan politik itu kedua-duanya sekali.

Saudara-saudara,

Saya rasa tidaklah perlu saya memberikan penerangan yang panjang lebar tentang Rancangan Malaysia Kedua. Bagaimanapun saya sukalah mengulangi penjelasan saya dulu iaitu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini akan menitikberatkan pengekalan pertumbuhan ekonomi—sustained economic growth—dalam jangka waktu Rancangan Malaysia Kedua ini dan rancangan-rancangan berikutnya. Sementara mengekalkan pertumbuhan ekonomi ini, segala langkah akan diambil supaya peluang-peluang yang baru terbuka itu akan dibahagikan dengan adil dan saksama. Istimewa bagi golongan-golongan dan individu-individu yang masih tertinggal di belakang, mereka akan diberi sepenuh-penuh peluang mencapai kemajuan yang lebih pesat dan memperbaiki kedudukan mereka kepada tingkatan yang lebih baik dan sempurna.

Saya suka berseru kepada saudara-saudara sekalian supaya memahami akan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru ini dan dengan memahaminya saudara-saudara sekalian sebagai pemimpin-pemimpin parti bolehlah membantu Kerajaan bagi mengembelingkan segala tenaga rakyat bagi menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk mewujudkan keadilan ekonomi dalam negara kita.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan akan membelanjakan lebih dari \$353 juta dalam masa lima tahun yang akan datang bagi memajukan golongan-golongan yang tertinggal oleh kemajuan. Perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan yang telah pun ditentukan untuk rancangan-rancangan lain yang akan dijalankan oleh Kerajaan sendiri.

Peruntukan di atas adalah dikhaskan kepada badan-badan yang berkaitan dengan langkah menyusun semula masyarakat kita untuk mengadakan perseimbangan yang lebih sempurna. Badan-badan ini ialah PERNAS, MARA, Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar dan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia.

Saya tidaklah bercadang untuk memberi perincian mengenai badan-badan yang sedia ada seperti MARA dan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia oleh kerana saudara-saudara sendiri sedia maklum tentang peranan badan-badan ini. Saya ingin menyentuh sedikit tentang peranan PERNAS dan Perbadanan Kemajuan Bandar atau UDA.

PERNAS telah ditubuhkan dengan tujuan mempercepatkan penyertaan orang-orang Melayu dan Bumiputra-bumiputra lain di bidang perindustrian dan perdagangan. Sehingga ini PERNAS telah menubuhkan beberapa syarikat di dalam berbagai lapangan termasuklah projek-projek yang berkaitan dengan insurance dan membuat rambut tiruan. Tidak lama lagi akan melangkah masuk ke lapangan perusahaan kimia dan juga perniagaan borong dan runcit. Saya telah pun menetapkan iaitu PERNAS akan menjadi ejen tunggal dan saluran perdagangan dalam hubungan dagangan dengan China Komunis.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh PERNAS ini akan dibantu oleh Perbadanan Pembangunan Bandar yang akan melaksanakan tugas pembaharuan dan pembangunan bandar-bandar dengan objektif supaya menjamin penyertaan orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dengan lebih giat lagi di bidang kehidupan bandar.

Segala kegiatan yang akan dijalankan oleh PERNAS juga Perbadanan Pembangunan Bandar ini akan diselaraskan dengan usaha-usaha Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang akan menolong memajukan perusahaan dan perdagangan, terutama sekali mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu.

Saudara-saudara,

Bagaimanapun, kita maklum bahawa pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi akan menghadapi beberapa masalah terutama sekali yang berkaitan dengan tenaga manusia (manpower). Adalah mustahak kita mengambil langkah-langkah perlu dalam masa yang singkat untuk menambah tenaga-tenaga manusia yang mahir dan separuh mahir—skilled and semi-skilled—bagi memenuhi kehendak-kehendak rancangan-rancangan perindustrian baharu, pembukaan tanah dan sebagainya. Kerajaan akan mengadakan kemudahan-kemudahan memberi latihan bagi tenaga manusia yang dikehendaki dalam lapangan-lapangan teknikal, pengurusan

(management) dan pentadbiran berikutan dengan mempercepatkan proses pembangunan negara menerusi badan-badan yang ada seperti National Productivity Centre dan membuka vocational centres yang dapat memenuhi keperluan tenaga teknik, kilang dan pertanian.

Sejajar dengan rancangan-rancangan yang tersebut di atas, Kerajaan juga akan mengadakan rancangan-rancangan yang akan dapat memodenkan cara-cara pertanian kita. Langkah ini adalah perlu bagi mengubah kedudukan petani-petani kita dari taraf subsistence farmer kepada petani-petani moden yang akan dapat menggunakan kemajuan-kemajuan teknologi dan peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan serta golongan swasta bukan sahaja dari segi pengeluaran (production) tetapi juga pemasaran, bagi faedah meninggikan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup mereka. Pemodenan masyarakat tani kita ini adalah penting bagi mengekalkan perkembangan perusahaan-perusahaan di negara kita.

Sebagaimana kita mengetahui, pertanian adalah saling bergantung dengan perusahaan bukan sahaja untuk membekalkan makanan-makanan, bahan-bahan mentah dan pendapatan pertukaran wang asing, tetapi golongan petani yang berada adalah penting sebagai pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna hasil keluaran perusahaan-perusahaan di negara kita ini, jika kemajuan dan perkembangan perusahaan kita hendak dikekalkan. Dengan ini perusahaan-perusahaan dalam negara dapat beransur-ansur diubah dari perusahaan-perusahaan secondary yang mengeluarkan barang-barang kegunaan (consumer goods) kepada perusahaan-perusahaan yang lebih matang seperti heavy industries dan sebagainya.

Sebagaimana kita tahu, proses pembangunan ekonomi ialah satu proses yang akan membawa kita masuk ke dalam sistem ekonomi yang berpusatkan kepada perindustrian moden. Sudah tentulah proses ini akan menimbulkan conflict dalam cara hidup, sikap atau attitude dan sistem nilai (value-system) kita dengan desakan-desakan permodenan. Ini bermakna cara-cara hidup yang usang, anggapan-anggapan lama dan nilai-nilai kuno adalah tidak sesuai lagi dengan cara-cara sekarang.

Sebagaimana kita maklum, pelaksanaan rancangan-rancangan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua dan

Rancangan-rancangan Pembangunan seterusnya akan menimbulkan beberapa masalah utama, dan di antaranya ialah kesanggupan rakyat turut serta menjayakan segala rancangan itu. Saya suka berterus terang di sini bahawa kejayaan Rancangan Malaysia Kedua ini bergantung semata-mata kepada sokongan dan kesanggupan rakyat jelata.

Kesimpulannya ialah jika masyarakat kita hendak terus maju dalam lapangan ekonomi moden, mereka mestilah terlebih dahulu sanggup mengubah cara penghidupan mereka. Rakyat mestilah sanggup memainkan peranan baru dan menunjukkan sikap baru. Pendek kata, perubahan sikap dan nilai hidup ini adalah inti bagi perubahan masyarakat itu.

Dengan lain perkataan, untuk membolehkan terutama sekali orang-orang Melayu dan Bumiputra-bumiputra lain maju dengan lebih berkesan dalam lapangan ekonomi perusahaan, mereka tidak lagi boleh menganggap yang masa depan mereka ditetapkan terlebih dahulu. Mereka mestilah faham bahawa keadaan di sekeliling mereka boleh berubah dan bertukar ganti dengan kemajuan sains dan teknologi untuk memudahkan kehendak-kehendak kebendaan mereka. Pada lazimnya dalam kebanyakan negara yang masih membangun, hasrat untuk kemajuan kebendaan adalah ternyata, tetapi jarang sekali hasrat ini diikuti dengan penerimaan sikap dan nilai-nilai baharu. Perubahan sikap dan penerimaan nilai baharu adalah mustahak sebelum kemajuan dalam lapangan ekonomi moden dicapai.

Oleh yang demikian, saya berharap terutama sekali kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra lain supaya sedar akan desakan-desakan yang diperlukan oleh kemajuan dan permodenan. Dengan kesedaran ini bolehlah mereka memainkan peranan baru mereka. Saya yakin sekiranya rakyat jelata sekalian berani menghadapi cabaran-cabaran kemajuan dengan menukar sikap mereka serta penerimaan nilai-nilai baru, sesuai dengan pembangunan ekonomi moden, maka segala rancangan pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan, akan memberi faedah yang tidak ternilai kepada mereka.

Dari segi ini juga, saya rasa parti kita boleh memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan lagi. Saya berpendapat pemimpin-pemimpin kita seperti wakil-wakil rakyat, ketua-ketua parti dan lain-lain boleh memberi panduan-panduan yang berguna

kepada penduduk-penduduk di tempat masing-masing dari segi memberi inisiatif serta galakan yang positif dalam konteks peranan rakyat jelata bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Saya percaya melalui seminar-seminar seperti ini pemimpin-pemimpin UMNO yang hadir dari seluruh peringkat bukan sahaja akan dapat memahami dengan lebih mendalam segala dasar Kerajaan tetapi juga akan dapat menentukan peranan mereka bagi memandu rakyat supaya menyokong akan rancangan-rancangan tersebut. Mereka pula selaku ketua-ketua parti yang bertanggungjawab boleh mengadakan ceramah-ceramah penerangan di tempat masing-masing berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kedua dan faedah-faedahnya kepada rakyat jelata sekalian.

Saudara-saudara,

Proses pembangunan negara kita ini, sebagaimana kita telah alami, telah dan terus akan membawa berbagai corak perubahan sosial (social change); dan mungkin proses ini dapat memenuhi beberapa kehendak rakyat jelata, tetapi proses pembangunan ini sendiri akan menimbulkan lebih banyak lagi jangkaan-jangkaan baharu (new expectations) dan unsur-unsur baru yang boleh membawa kepada kebingungan. Dari segi inilah kita terpaksa bertanya sesama sendiri samada pembangunan ekonomi merupakan *kunci* kepada kesetabilan negara dan keutuhan demokrasi atau sebaliknya?

Soal ini saya rasa penting kerana negara kita ialah sebuah negara yang sedang membangun, dan yang mempunyai kepercayaan penuh kepada sistem demokrasi. Saya fikir, bagi menjawabnya pengalaman di negara-negara maju yang mengamalkan sistem demokrasi akan dapat memberi kepada kita beberapa pelajaran dan tauladan.

Dengan lain perkataan, memanglah nyata dan terbukti bahawa di negara-negara yang mempunyai taraf pembangunan ekonomi yang tinggi juga mempunyai kejayaan dalam amalan sistem demokrasinya. Negara-negara demokrasi memerlukan keadaan ekonomi yang seimbang serta jurang pemisahan yang kecil di antara rakyat jelata dari semua golongan dan lapisan. Jurang-jurang ini adalah seperti jurang-jurang yang memisahkan golongan-golongan yang kaya dengan yang miskin; golongan yang terpelajar dengan yang buta huruf; golongan bandar dengan luar bandar, dan sebagainya.

Jurang-jurang ini hanya akan dapat diperkecilkan apabila sesebuah negara itu mempunyai taraf pembangunan ekonomi yang tinggi (high level of economic development) dan bukanlah sebaliknya. Sebaliknya pula, jika negara itu miskin, maka sistem demokrasi yang dianutinya bukan sahaja menjadi tidak stabil tetapi mungkin menjadi alat bagi menjatuhkan Kerajaan. Dengan lain perkataan, jelaslah bahawa kadar pembangunan ekonomi yang tinggi adalah menjadi faktor utama bagi mengekalkan kesetabilan sistem demokrasi; dan proses pembangunan adalah menjadi faktor utama bagi kemajuan rakyat jelata.

Saudara-saudara,

Saya berharap saudara-saudara akan dapat menerima hujjah-hujjah yang saya kemukakan tadi sebagai garis-garis panduan dalam perbincangan-perbincangan mengenai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dengan itu dapatlah saudara-saudara menentukan peranan parti kita dalam melaksanakan cita-cita dan hasrat rakyat. Bagaimanapun, seperti yang telah saya katakan di masa-masa lalu, kejayaan kita mencapai matlamat negara bergantung banyak kepada keadaan ketenteraman dalam negeri. Pada masa ini, anasir-anasir komunis dan anti-nasional masih cuba menggagalkan usaha-usaha Kerajaan dengan tujuan supaya timbul perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Angkara komunis ini mestilah kita tentang habis-habisan dan di samping itu meyakinkan rakyat tentang keazaman Kerajaan. Dengan sokongan mereka sepenuhnya dan dengan izin Allah dapatlah kita mendirikan sebuah masyarakat yang bersatu di dalam negara yang aman dan makmor.

Dengan ini saya sukacita merasmikan Seminar ini.